

Jalan pejalan kaki baharu "Seoulo 7017" untuk bandar mesra pejalan kaki yang lebih baik - Mengekalkan sejarah dan kenangan Seoul melalui pembangunan semula bandar

SEOUL, Korea Selatan, 10 Oktober 2017 / PRNewswire / - "Urbanisme Mesra Pejalan Kaki" muncul sebagai piawaian global baharu bagi pembangunan bandar. Hari ini, sejauh mana usaha bandar menyediakan persekitaran untuk berjalan yang selamat dan selesa semakin dianggap sebagai sesuatu yang penting. Perancang bandar memberi keutamaan kepada pejalan kaki dan mengembangkan idea tentang cara menjadikan bandar mereka menjadi bandar yang lebih mesra pejalan kaki.

Seoul juga bergerak selaras dengan usaha global ini. Salah satu kejayaan terbaru ialah "Seoulo 7017" (selepas ini "Seoulo"). Ia ialah laluan pejalan kaki tinggi sepanjang 1024 meter yang dibuka pada 20 Mei 2017. Ia dibina di atas laluan yang telah berkhidmat sebagai jalan masuk selama 45 tahun yang lalu. Sejak pembukaan rasmi, lebih 5,000,000 orang telah melawat Seoulo, menjadikannya tempat yang wajib dikunjungi untuk inisiatif bandar mesra pejalan kaki.

"7017" menggabungkan nombor daripada "1970," tahun laluan atas itu dibina, dan daripada "2017," tahun kelahiran semula sebagai laluan pejalan kaki. Ia juga merujuk kepada 17 laluan yang berkaitan dan ketinggian jalan, iaitu 17 meter.

Kawasan Stesen Seoul, lokasi Seoulo, ialah pintu masuk utama ke / dari Seoul dengan purata 390,000 penumpang dan pengembara melawat setiap hari. Walau bagaimanapun, kawasan ini telah lama terasing seperti sebuah pulau, dikelilingi oleh jalan raya untuk kereta. Dengan tidak merobohkan laluan atas ini, bandar Seoul memperbaharuiannya semula untuk mewujudkan jalan pejalan kaki dan memberikan hak untuk berjalan kepada warganya.

Sebagai arkitek yang merancang Seoulo, Winy Maas pernah berkata, "Ia sering dibandingkan dengan Highline di New York, tetapi ia berbeza dalam banyak cara - Saiz dan ketinggian serta konteksnya sangat berbeza. Saya fikir projek Seoul ini lebih menarik. Saya suka idea menggunakan laluan atas ini."

Salah satu perkara yang menarik mengenai Seoulo ialah jalan itu dianggap sebagai satu pokok besar dengan susurnya sebagai dahan-dahan. 17 laluan bersambung secara organik, mewujudkan rangkaian bagi kawasan ini. Visi dan strateginya yang mengubah struktur konkrit menjadi ruang yang penuh dengan kehidupan telah dipuji kerana berorientasikan masa depan dan inovatif.

"Projek Seoulo adalah percubaan baharu untuk menghidupkan semula kawasan pusat bandar dan persekitarannya yang kurang membangun," kata Datuk Bandar Park Won-Soon. Beliau juga menambah, "Kami akan menjadikan Seoulo tempat orang ramai berkumpul, yang membawa kepada pemulihan kawasan sekitarnya."

Untuk maklumat lanjut, lawati <http://seoulo7017.seoul.go.kr>.

Maklumat Perhubungan Awam:
Young-yune Jang
Seoul Metropolitan Government
yjiang@seoul.go.kr